

Syor peruntukan RM109.8b Bajet 2003

21 SEP 2002

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan peruntukan berjumlah RM109.8 bilion bagi Bajet 2003.

Katanya, peningkatan itu merupakan pertambahan sebanyak 9.2 peratus berbanding peruntukan asal tahun 2002.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 66.3 peratus atau RM72.84 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM36.96 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Beliau berkata, dengan mengam- bil kira anggaran hasil sebanyak RM89.79 bilion, akaun keseluruhan kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit sebanyak 3.9 peratus daripada KDNK, lebih rendah daripada 4.7 peratus pada tahun 2002.

Katanya, sebanyak RM34.51 bilion daripada perbelanjaan mengurus diperuntukkan di bawah pemberian dan kenaikan bayaran tetap.

"Sebanyak RM19.73 bilion adalah untuk emolumen, RM14.25 bilion untuk perkhidmatan dan beka-

lan, RM1.61 bilion untuk pembelian kelengkapan serta kemudahan pejabat dan RM2.73 bilion bagi perbelanjaan lain," katanya.

Perdana menteri berkata, daripada jumlah perbelanjaan pembangunan yang dicadangkan, sebanyak RM12.69 bilion (34.4 peratus) adalah untuk sektor ekonomi, infrastruktur, perindustrian, bekalan elektrik dan air luar bandar.

Sebanyak RM16.13 bilion (43.6 peratus) disediakan bagi sektor sosial untuk projek-projek pendidikan dan latihan, kesihatan, kebajikan, pembangunan masyarakat, belia dan sukan.

"Seterusnya, RM3.06 bilion (8.3 peratus) diperuntukkan bagi projek-projek pembangunan di sektor keselamatan dan RM3.08 bilion (8.3 peratus) untuk pentadbiran am. Baki RM2 bilion adalah untuk simpanan luar jangka," katanya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan Pusat menyediakan peruntukan sebanyak RM985 juta di bawah pelbagai kementerian supaya kerja-kerja awal dapat dimulakan pada tahun

ini dan pelaksanaan fizikal pada tahun 2004.

Katanya, kerajaan telah mengemukakan penyediaan bajet dua tahun untuk memastikan kelancaran pelaksanaan.

Langkah itu, kata beliau bertujuan memberi agensi pelaksana 'lead time' dalam usaha merancang dan melaksanakan projek.

"Agensi pelaksana boleh menjalankan kerja-kerja awal seperti mendapatkan tapak projek, penilaian impak alam sekitar, siasatan tanah dan reka bentuk yang biasanya mengambil masa yang lama untuk disiapkan," katanya.

Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek kerajaan, Dr. Mahathir menggesa kerajaan-kerajaan negeri juga memainkan peranan.

Beliau menambah, pihak berkuasa tempatan juga hendaklah bertindak pantas dalam mempertimbangkan kelulusan di bawah bidang kuasa mereka seperti cadangan pelan reka bentuk dan pemberian lesen.